

Dr Tai Shzee dilantik TNC baru UPM

KETUA Laboratori Dasar Biosumber dan Alam Sekitar, Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Tai Shzee Yew, 51, dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (TNC) Jaringan Industri dan Masyarakat universiti itu, berkuatkuasa 1 September lalu hingga Ogos 2010.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha Raja Abdullah, menyifatkan pelantikan Tai bertepatan matlamat universiti meningkatkan keupayaan bidang penyelidikan terutama aspek pengkomersialan serta pengukuhan jaringan dengan industri.

Katanya, pelantikan itu akan mengukuhkan strategi UPM untuk menghasilkan graduan berkemahiran dan berpengetahuan menerusi kerjasama industri, seterusnya membantu mereka menembusi pasaran pekerjaan yang sesuai dengan bidang pengajian.

"Tai mempunyai kemahiran dan pengalaman luas dalam aspek perancangan. Saya yakin beliau dapat menyumbang idea bernas bagi membentuk perancangan strategik sejajar wawasan universiti.

"Antara portfolio yang akan dipegang Tai ialah hal ehwal pembangunan, infrastruktur dan jaringan industri bagi memacu universiti penyelidikan itu seiring pelancaran Pelan Strategik dan Pelan Tindakan Pengajian Tinggi," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Berita Harian, semalam, melaporkan Kementerian Pengajian Tinggi mewujudkan satu lagi jawatan TNC di empat universiti penyelidikan dan Universiti Teknologi Mara (UiTM), berkuat kuasa sertamerta.

Sehingga kelmarin, Universiti

merta.

Sehingga kelmarin, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia sudah mengisi jawatan berkenaan, manakala UPM dan UiTM dilaporkan sudah mengemukakan tiga pencalonan dan masih dalam pertimbangan kementerian.

Berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) bidang Ekonomi Perikanan dari Simon Fraser University, Kanada, Tai sudah 21 tahun berkhidmat di UPM.

Sepanjang perkhidmatannya, beliau aktif dalam kegiatan penyelidikan terutama bidang Ekonomi Perikanan dan Ekonomi Sumber Asli, selain terbabit dalam kegiatan pengembangan dan perundingan.

Kesarjanaan beliau mendapat pengiktirafan di peringkat tempatan dan antarabangsa apabila menerima anugerah termasuk daripada International Biographical Center Cambridge, England (2003), International Development and Research Centre Fellowship, Kanada, (1989-1992) serta Agricultural Development Council (ADC) Fellowship, Amerika Syarikat (1982-1984).